

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN PERSATUAN AGEN-AGEN INSURANS JAMINAN
PENDAPATAN HIDUP MELAYU MALAYSIA (JAMIN)

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 AUG 1994

MASA:

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Persatuan Agen- Agen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (JAMIN) kerana menjemput saya untuk melancarkan JAMIN pada hari ini. Saya berasa sukacita kerana dapat bersama tuan-tuan dan puan-puan sekalian di majlis ini.

2. Tahun 1993 merupakan tahun keenam berturut-turut di mana ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan. Kedudukan yang membanggakan ini telah dicapai hasil kerjasama yang erat di antara Kerajaan dengan sektor swasta dalam proses menghadapi cabaran dalam negeri mahupun pada peringkat antarabangsa. Sejajar dengan ini, industri insurans tempatan juga turut mencatatkan prestasi perniagaan yang memberangsangkan semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Pertumbuhan industri insurans yang menggalakkan ini telah juga dapat diteruskan dalam tahun 1993 dengan kadar pertumbuhan dua angka selari dengan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan prospek ekonomi Malaysia yang cerah dalam tahun 1994 dan tahun-tahun berikutnya, insya-Allah, industri insurans tempatan adalah juga dijangka mencatatkan pertumbuhan yang berterusan kukuh.

3. Walaupun kita boleh berbangga dengan pencapaian dan prospek ini, namun secara keseluruhannya pencapaian industri insurans didapati masih lagi pada tahap yang tidak memuaskan jika dibandingkan dengan beberapa pasaran insurans luar negeri yang lebih matang. Sungguhpun terdapat peningkatan dalam petunjuk- petunjuk prestasi industri, namun masih terdapat skop yang begitu luas sekali bagi pertumbuhan lanjut yang berterusan dalam industri ini.

4. Kesedaran tentang insurans di kalangan rakyat negara ini adalah masih lagi rendah. Ini ialah kerana bagi setiap sebelas orang penduduk, hanya dua polisi insurans sahaja berkuatkuasa. Keadaan ini menunjukkan bahawa skop industri ini masih luas dan ianya hendaklah disahut sebagai satu cabaran oleh industri insurans nyawa. Adalah menjadi tanggungjawab mereka yang terlibat dalam industri ini menentukan agar setiap rakyat di negara ini yang mampu membiayai kos polisi insurans memperolehi perlindungan sewajarnya. Ini adalah satu tanggungjawab sosial yang mesti dipenuhi selaras dengan seruan Kerajaan bagi sektor korporat yang penyayang atau 'caring corporate sector'. Dalam proses

ini, industri insurans bukan sahaja perlu bersedia menampung permintaan insurans yang semakin canggih dan kompleks malah juga lebih bersifat proaktif dalam membuka pasaran baru dengan cara memperkenalkan produk-produk baru yang sesuai dengan keperluan setiap sektor masyarakat.

5. Kerajaan sentiasa bersedia dan berusaha untuk membangun dan memajukan industri insurans dan meletakkannya di tahap yang lebih kukuh. Berbagai-bagai langkah telah diperkenalkan untuk kebaikan industri berpandukan kepada matlamat untuk memberi perlindungan kepada pemegang polisi dan memastikan pertumbuhan industri yang teratur sebagai komponen penting sistem kewangan negara. Hasil daripada langkah-langkah tersebut serta struktur kawalan rapi Kerajaan, tanggapan umum terhadap industri insurans telah bertambah baik dan prospek bagi pertumbuhan industri semakin menggalakkan.

6. Keupayaan untuk mengambil peluang-peluang pasaran yang terserlah adalah bergantung kepada kebolehan dan usaha-usaha gigih tuan-tuan dan puan-puan sendiri di samping mengatasi masalah struktur dan operasi yang masih berlanjutan. Antara isu struktur yang paling mendesak dan yang melibatkan tenaga agensi secara langsung ialah tahap kos operasi syarikat-syarikat insurans nyawa yang begitu tinggi yang mencerminkan kawalan kos operasi yang tidak efektif. Sekiranya dibiarkan berterusan, kedudukan ini dalam jangka panjang, akan menggugat kedudukan kewangan dan daya tahan syarikat-syarikat insurans. Kadar perbelanjaan industri insurans nyawa yang tinggi ini juga nyata sekali menjejaskan kepentingan pemegang polisi.

7. Memandangkan hal ini, semua pihak yang terlibat, termasuk tenaga agensi, harus menyedari dan mengakui betapa pentingnya untuk memperbaiki kedudukan industri insurans melalui strategi kawalan kos dan peningkatan produktiviti. Hanya mereka yang menekankan kawalan yang efektif terhadap kos akan dapat terus kekal beroperasi dalam jangka masa panjang. Usaha-usaha Kerajaan sahaja tidak memadai untuk mengatasi masalah ini dan tenaga agensi juga harus bersedia untuk bertolak ansur bagi kepentingan negara. Peningkatan dalam tahap pendapatan tenaga agensi haruslah dicapai dengan meningkatkan produktiviti dan bukannya semata-mata berdasarkan kadar komisen yang tinggi.

8. Hasrat untuk memantap dan meningkatkan kecekapan serta daya saing industri insurans akan dapat dicapai sekiranya semua pihak yang terlibat dalam industri insurans nyawa -- syarikat- syarikat insurans dan persatuan-persatuan serta tenaga agensi -- dapat bergerak selari dan mengenyahkan perbezaan kepentingan bagi mencapai kepentingan negara yang lebih besar, iaitu ke arah menjadikan industri insurans nyawa sebagai komponen sektor kewangan dan perkhidmatan yang utama, kukuh dan berdaya maju. Dalam proses untuk menyelesaikan masalah-masalah struktur sebegini, setiap pihak yang terlibat harus bersedia mengenyahkan kepentingan peribadi untuk mencapai kepentingan nasional. Usaha-usaha

yang dilakukan oleh Kerajaan ke arah mengurangkan kos operasi haruslah dilihat dalam perspektif yang betul.

9. Dalam konteks pembangunan sektor insurans di negara ini, peranan tenaga agensi sebagai pengantara di antara orang ramai sebagai pengguna dengan syarikat-syarikat insurans menjadi semakin penting dewasa ini. Fenomena ini jelas dicerminkan oleh pertambahan yang nyata dalam bilangan ejen insurans nyawa berdaftar yang telah meningkat sebanyak 26 peratus daripada 54,300 orang pada tahun 1992 kepada 68,500 orang pada tahun 1993. Walaupun bilangan keseluruhan ejen-ejen telah bertambah dengan nyata, tetapi profil keseluruhan ejen-ejen masih kekal tidak berubah. Saya difahamkan bahawa bilangan ejen-ejen Bumiputera masih kekal pada tahap yang kecil, iaitu tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah keseluruhan ejen-ejen. Pada akhir tahun 1993, bilangan ejen Bumiputera hanya seramai 5,736 orang, iaitu hanya merupakan 8.4 peratus daripada bilangan keseluruhan tenaga ejen. Daripada jumlah yang kecil tersebut, sebilangan besar daripada ejen-ejen Bumiputera hanyalah merupakan ejen-ejen sambilan sahaja dan kebanyakan daripada mereka hanya berkhidmat sebagai ejen dalam tempoh kurang daripada dua tahun.

10. Pelancaran Persatuan Agen-agen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia atau JAMIN diharapkan akan dapat meningkatkan penglibatan kalangan Bumiputera dalam bidang ejen insurans nyawa. JAMIN mempunyai satu tanggungjawab yang besar, iaitu membangun dan mempertingkatkan kedudukan dan tahap profesionalisma ejen-ejen Bumiputera supaya menjadi setanding dengan ejen-ejen insurans yang lain. Saya juga difahamkan bahawa memandangkan kepada kebanyakan daripada ejen hanya bekerja secara sambilan, ramai tidak cenderung kepada meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan insurans nyawa yang mendalam sewajarnya. Justeru itu, saya percaya persatuan-persatuan ejen seperti JAMIN akan mencerminkan komitmen yang serius bagi memainkan peranan yang giat dan aktif untuk membantu ahli-ahli mencapai tahap kecemerlangan perkhidmatan atau 'excellence in service'. Satu lagi strategi yang harus diutamakan ialah membantu ejen-ejen sambilan ini menjadi ejen sepenuh masa yang profesional supaya produktiviti dan prestasi mereka dapat ditingkatkan.

11. Aspek peningkatan dalam profesionalisma ejen-ejen adalah begitu penting bagi meningkatkan keyakinan pengguna dan masyarakat terhadap produk insurans. Ahli-ahli JAMIN sebagai pihak yang bertanggungjawab untuk memasarkan produk insurans kepada orang ramai harus lebih prihatin dalam mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menembusi pasaran-pasaran baru dalam rangka untuk menyedarkan orang ramai, terutama sekali masyarakat Bumiputera tentang betapa pentingnya insurans kepada mereka. Saya difahamkan bahawa daripada jumlah masyarakat yang membeli perlindungan insurans, hanya segelintir daripadanya adalah daripada kalangan kaum Bumiputera.

12. Menembusi pasaran Bumiputera adalah menjadi cabaran utama bagi JAMIN. Ini hanya dapat dilakukan sekiranya tenaga ejen yang tersebut bersikap profesional dan berhemat untuk memastikan supaya kepercayaan orang ramai, terutama masyarakat Melayu yang sekian lama mempunyai tanggapan yang negatif terhadap perlindungan insurans, dapat diperolehi. Saya percaya, JAMIN akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya bagi kepentingan ahli-ahlinya serta menggerakkan fungsinya ke arah mencapai wawasan negara.

13. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Pelancaran Persatuan Agen-agen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia. Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian.